



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

ESTETIKA DALAM TEKS DAN MULTIMEDIA SIRI UNGGAS

MADIAWATI BINTI MAMAT@MUSTAFFA

FBMK 2013 34



ESTETIKA DALAM TEKS DAN MULTIMEDIA SIRI UNGGAS

Oleh

MADIAWATI BINTI MAMAT@MUSTAFFA

**Tesis Ini Dikemukakan Kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti
Putra Malaysia, Sebagai Memenuhi Keperluan Untuk Ijazah Doktor
Falsafah**

Mei 2013

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia
sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah

ESTETIKA DALAM TEKS DAN MULTIMEDIA SIRI UNGGAS

Oleh

MADIAWATI MAMAT@MUSTAFA

Mei 2013

Pengerusi: Arba'ie bin Sujud, PhD

Fakulti: Bahasa Moden dan Komunikasi

Media teknologi berkembang dengan pesatnya dan telah diterima sebagai medium pilihan untuk menyebarkan maklumat dalam pelbagai bidang termasuk juga bidang sastera. Perkembangan sastera yang bermula dengan tradisi lisan telah berubah ke bentuk tulisan dan seterusnya menggunakan multimedia sebagai salah satu saluran untuk memperkembang karya sastera dengan pengejalan terhadap nilai sastera dan estetika sebagai elemen utama sesebuah karya. Sastera dalam multimedia telah berkembang dengan adanya penerbitan cerita secara digital dalam bentuk cakera padat ataupun dalam talian. Dengan ini karya multimedia perlu diteliti secara menyeluruh agar perkembangannya memenuhi nilai dan fungsi sastera. Justeru itu, kajian ini bertitik tolak daripada perkembangan sains dan teknologi dengan mengkaji dua data, iaitu *Koleksi Terpilih Cerita Unggas* (karya berbentuk teks) dan *Perisian Cerita Unggas* (karya berbentuk multimedia) untuk membincangkan prinsip estetika berdasarkan teori estetika Jerome Stolnitz (1960) serta disesuaikan dengan kajian Zakaria Osman (1997). Kajian ini berbentuk kajian analisis data sepenuhnya dilakukan bagi menjelaskan prinsip-prinsip estetika serta

mendapatkan ciri-ciri estetika yang dominan dalam kedua-dua bentuk penyampaian karya sastera tersebut. Dapatan kajian ini mendapati bahawa kedua-dua karya versi teks dan karya versi multimedia tersebut dapat diaplikasikan dengan prinsip estetika seperti aspek perkara (*matter*), bentuk (*form*) dan pernyataan (*expression*). Kebanyakan daripada ciri-ciri estetika tersebut dapat ditanggapi dalam kedua-dua karya, yang membezakannya hanya pada bentuk penyampaian sahaja. Jika dalam karya versi teks watak dan perwatakan, peristiwa, gaya bahasa dan segala unsur sastera yang membina teks berperanan dalam menyerlahkan nilai estetika sesebuah karya, namun dalam karya versi multimedia, elemen grafik, warna, audio dan video juga telah membantu dalam menyampaikan maklumat secara berkesan dan menarik. Walaupun kedua-dua karya tersebut berbeza dari aspek penyampaiannya tetapi fokus utama cerita tersebut masih sama dan ketiga-tiga aspek yang dibincangkan mempunyai peranannya yang tersendiri dalam menyerlahkan estetika sesebuah cerita. Multimedia dilihat sebagai media penyampaian sahaja, pengisiannya masih lagi menggunakan elemen sastera yang terasnya estetika.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfilment of the requirement for the degree of Doctor of Philosophy.

AESTHETIC IN TEXT AND MULTIMEDIA SIRI UNGGAS

By

MADIAWATI MAMAT@MUSTAFFA

May 2013

Chairman: Arba'ie bin Sujud, PhD

Faculty: Modern Language and Communication

The technology of media has been rapidly developing and accepted as a medium for information distribution in various disciplines, including literature. Literature originally started as an oral tradition. When writing was introduced, it was available in readable format and consequently when technology came into the picture, multimedia becomes a mean in distributing literary work without effecting the aesthetics value of a piece. Literature in multimedia has evolved with the presence of stories in digital format such as in cd-rom and online version. Therefore, literature in multimedia needs to be viewed holistically to ensure the evolution suits the function and value of literature. Hence, this research which is initiated from the advancement of science and technology will study two sets of data from *Koleksi Terpilih Cerita Unggas* (literary work in text format) and *Perisian Cerita Unggas* (literary work in multimedia courseware format) in order to discuss the aesthetics principle based on Jerome Stolnitz's aesthetic theory (1960) with adjustment to suit the research conducted by Zakaria Osman (1997). This is a completely data analysis research which is

conducted to explain aesthetics principles as well as to verify the dominant criteria presented in both of literary works. From this research, it is found that both versions; in text and the multimedia format, aesthetics principles such as matter, form and expression were present. Most of the aesthetic criteria in these two literary works can be well-perceived although the way of presentation are different from one another. In the text version, characters, event, language style and other literature elements used to construct the story are important to accentuate the aesthetics value of the literary work. In contrast, in the multimedia version, graphic, colours, audio and video are the essential element in effective and interesting information presentation. Although both works are different in terms of presentation, the main focus of the stories are still the same and all three aspects being discussed played their roles to highlight the aesthetic value of the stories. Multimedia is seen as the medium of presentation whereas the content is literature with aesthetic as the basis.



PENGHARGAAN

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih Lagi Maha Penyayang
Salawat dan Salam Ke Atas Junjungan Besar Nabi Muhammad S.A.W.

Syukur Alhamdulillah dipanjatkan ke hadrat Allah (S.W.T) kerana dengan izin dan kehendakNya, saya berjaya menyempurnakan kajian berkenaan dengan Estetika dalam Teks dan Multimedia Siri Unggas.

Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi ucapan terima kasih kepada Ahli Jawatankuasa Penyeliaan tesis, iaitu Prof. Madya Dr. Arba'ie Sujud, selaku Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan, Prof. Madya Dr. Normaliza Abd Rahim dan Dr. Kamariah Kamaruddin, selaku ahli jawatankuasa penyeliaan, yang sama-sama membantu memberi pandangan, bimbingan, nasihat dan tunjuk ajar dalam menyiapkan kajian ini. Terima kasih juga saya rakamkan kepada semua pensyarah jabatan Bahasa Melayu dan kakitangan di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi yang sentiasa memberikan kerjasama sepanjang pengajian saya berlangsung di Universiti Putra Malaysia.

Ucapan setinggi-tinggi penghargaan juga saya titipkan kepada pihak Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia dan Universiti Malaya Kuala Lumpur kerana membiayai sepenuhnya pengajian ini. Di samping itu, ucapan terima kasih juga untuk Jabatan Kesusasteraan Melayu, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya kerana memberi peluang untuk saya melakukan penyelidikan pada peringkat ini. Tidak lupa juga ucapan terima kasih yang tidak terhingga buat suami, keluarga serta rakan-rakan yang tidak jemu-jemu memberi sokongan moral, motivasi dan inspirasi sehingga berjaya saya menyiapkan kajian ini. Akhir sekali saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung atas sokongan dan kerjasama dalam menyempurnakan tesis ini.

Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Peperiksaan Tesis telah berjumpa pada 2 Mei 2013 untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi Madiawati Binti Mamat@Mustaffa bagi menilai tesis beliau yang bertajuk “Estetika dalam Teks dan Multimedia Siri Unggas” mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Perlembagaan Universiti Putra Malaysia [P.U.(A) 106] 15 Mac 1998. Jawatankuasa tersebut telah memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah Doktor Falsafah.

Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Tesis adalah seperti berikut:

Che Ibrahim B. Salleh, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Nik Rafidah Binti Nik Affendi, PhD

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

Normahdiah Binti Sheikh Said, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

Misran Rokimin, PhD

Profesor Madya
Pusat Pengajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu,
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia
(Pemeriksa Luar)

NORITAH OMAR, PhD

Profesor Madya dan Timbalan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

Tesis ini dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Arbai'e bin Sujud, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Normaliza binti Abd Rahim, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

Kamariah binti Kamaruddin, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

BUJANG BIN KIM HUAT, PhD
Professor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

PERAKUAN

Saya mengaku bahawa tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli melainkan petikan dan sedutan yang telah diberi penghargaan di dalam tesis ini. Saya juga mengaku bahawa tesis ini tidak dimajukan untuk ijazah-ijazah lain di Universiti Putra Malaysia atau institusi-institusi lain.

MADIAWATI BINTI MAMAT@MUSTAFA

Tarikh: 2 Mei 2013

ISI KANDUNGAN

ABSTRAK	Muka Surat
ABSTRACT	ii
PENGHARGAAN	iv
PENGESAHAN	vi
PERAKUAN	vii
SENARAI RAJAH	xi
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI GAMBAR	xiii
SENARAI SINGKATAN	xiv
	xvi

BAB

I	PENDAHULUAN	
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Pernyataan Masalah	13
	1.3 Objektif Kajian	20
	1.4 Batasan Kajian	20
	1.5 Kepentingan Kajian	23
	1.6 Bahan Kajian	29
	1.7 Definisi Operasional	30
II	SOROTAN KAJIAN	
	2.1 Pengenalan	36
	2.2 Kajian Estetika sastera	38
	2.3 Kajian Perisian Multimedia	54
	2.4 Kajian Transformasi Tekstual kepada Multimedia	64
	2.5 Kesimpulan	79
III	METODOLOGI KAJIAN	
	3.1 Pengenalan	81
	3.2 Reka bentuk Kajian	89
	3.3 Kerangka Konsep Kajian	91
	3.4 Kerangka Teori	92
	3.4.1 Latar Belakang	92
	3.4.2 Model Estetika Jerome Stolnitz	101
	3.4.2.1 Aspek Perkara (<i>Matter</i>)	106
	3.4.2.2 Aspek Bentuk (<i>Form</i>)	112
	3.4.2.3 Aspek Penyataan (<i>Expression</i>)	117

3.5	Kesimpulan	123
-----	------------	-----

IV ESTETIKA DALAM TEKS DAN MULTIMEDIA KTCU DAN PCU

4.1	Pengenalan	124
4.2	Aspek Perkara (<i>Matter</i>)	125
4.2.1	Keindahan pengalaman daripada peristiwa-peristiwa yang menyeronokkan.	126
4.2.2	Keindahan pengalaman daripada peristiwa-peristiwa yang mengejutkan.	144
4.2.3	Keindahan pengalaman daripada peristiwa-peristiwa yang membayangkan kehidupan yang terdesak.	161
4.2.4	Keindahan pengalaman daripada peristiwa-peristiwa yang menimbulkan ketegangan dan kecemasan.	183
4.2.5	Keindahan pengalaman daripada peristiwa-peristiwa yang menyedihkan.	195
4.2.6	Keindahan pengalaman daripada peristiwa-peristiwa yang menyebabkan keresahan.	201
4.3	Aspek Estetika Bentuk (<i>Form</i>)	208
4.3.1	Bentuk Kesatuan dalam kepelbagaian (<i>Unity in Variety</i>)	209
4.3.2	Bentuk Perulangan dalam Mempertingkatkan Estetika Karya	228
4.3.3	Bentuk Imbangan dalam Mempertingkatkan Nilai Estetika dalam Karya	246
4.3.4	Bentuk Evolusi dalam Mempertingkatkan Nilai Estetika karya	261
4.4	Aspek Estetika Penyataan/Ekspresi (<i>Expression</i>)	269
4.4.1	Penyataan Melalui Emosi	275
4.4.2	Penyataan Gerak Laku	288
4.4.3	Penyataan Melalui Bahasa	300
4.5	Kesimpulan	319

V	PENEMUAN DAN PENUTUP	321
----------	-----------------------------	-----

	RUJUKAN	331
--	----------------	-----